



UNIVERSITI
MALAYA



BUKU INFORMASI

Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah



SEJARAH PENUBUHAN

KOLEJ KEDIAMAN TUANKU KURSHIAH

Universiti Malaya kini mempunyai 13 kolej kediaman yang menempatkan para pelajar ijazah dasar dan ijazah tinggi. Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah merupakan antara kolej kediaman yang tertua di Universiti Malaya yang ditubuhkan pada 11 Ogos 1962 dan menempatkan hampir 700 penghuni daripada pelbagai latar belakang akademik mahupun asal-usul.


Kolej ini mendapat nama asalnya bersempena dengan nama DYMM Raja Permaisuri Agong pada ketika itu iaitu Tuanku Ampuan Kurshiah. Pada asalnya ianya digelar sebagai Asrama Tuanku Kurshiah. Kolej ini pada awalnya diterajui oleh Puan Emily Sandorham sebagai pengetua kolej yang pertama dan dibantu oleh tiga orang penyelia untuk mentadbir kolej.

Pada zaman 60-an, terdapat hanya tiga blok bangunan yang dibina iaitu Blok A, Blok B dan Blok C dan hanya menempatkan pelajar perempuan sahaja. Akhirnya, Blok E telah didirikan pada tahun 1969 dan telah menempatkan pelajar lelaki seramai 106 orang.

Dewan Kurshiah (DK) atau juga dikenali sebagai Dewan Gemilang Kurshiah merupakan dewan utama kolej ini dan merupakan antara dewan kolej dengan seni bina yang terunik di Universiti Malaya di mana bumbungnya yang berbentuk seperti kubah bersegi lapan seakan-akan menyerupai reka bentuk bumbung Masjid Negara. Bukan itu sahaja, sebatang pokok tanjung yang hidup subur di tengah-tengah kawasan kolej merupakan mercu tanda kepada kolej ini.



PETA KOLEJ



PETUNJUK :-

- A - BLOK PELAJAR PEREMPUAN
- B - BLOK PELAJAR PEREMPUAN
- C - BLOK PELAJAR PEREMPUAN
- D - PEJABAT AM
- E - BLOK PELAJAR LELAKI
- F - RUMAH PENGETUA
- G - BILIK BACAAN / BILIK PERSIDANGAN
- H - FLAT PENYELIA
- I - SURAU PEREMPUAN / SURAU LELAKI
- J - GELANGGANG SUKAN
- K - GELANGGANG BOLA JARING
- L - GELANGGANG TENIS
- M - GELANGGANG BADMINTON
- N - KANTIN JUALAN
- O - DEWAN MAKAN / BILIK MUZIK / BILIK JTA
- P - STOR BARANG / BILIK STAF /
BILIK PENGURUS / DAPUR
- Q - KAWASAN LAPANG BERTAR
- R - LAMAN PIDATO
- S - LAMAN KAKTUS

T - PONDOK PENGAWAL

U - PINTU PAGAR UTAMA

V - PARKING

W - LALUAN PEJALAN KAKI

PETUNJUK :-

- ARAH JALAN KELUAR
- [Blue square] KAWASAN SELAMAT
- [Yellow cross] PILI BOMBA

SEKIRANYA BERLAKU KEBAKARAN ,SILA HUBUNGI PIHAK BERKUASA YANG BERDEKATAN DENGAN SEGERA

PEJABAT KESELAMATAN UNIVERSITI MALAYA

03-79567405
03-79673582

BALAI BOMBA JALAN PANTAI BARU, KUALA LUMPUR

03-22824444
994

CARTA ORGANISASI

Pengurusan KOLEJ KEDIAMAN TUANKU KURSHIAH



PUAN ALIAA DIYANA BINTI AZIZUDDIN

**PENGURUS KOLEJ
KEDIAMAN**



ENCIK HARIS BIN SHAHROM

**PENOLONG PENGURUS
KOLEJ KEDIAMAN**



ENCIK MOHD. SHAIFUL RIZAL BIN HASSAN

**PEMBANTU PENGURUS
KOLEJ KEDIAMAN**



CIK FATIN ATIQAH BINTI WAHID

**PEMBANTU PENGURUS
KOLEJ KEDIAMAN**

SENARAI PEMUDAHCARA

Mahasiswa

MAJLIS TERTINGGI

KETUA PEMUDAHCARA MAHASISWA

PM HAZIM



TIMBALAN KETUA
PEMUDAHCARA MAHASISWA

PM WAR



SETIAUSAHA
PEMUDAHCARA MAHASISWA

PM AINIE

BENDAHARI
PEMUDAHCARA MAHASISWA

PM HUSNA



UNIT PROGRAM & PROTOKOL

KETUA UNIT



PM NAZRY



PM ANAS



PM JASYA




PM ZHOF



PM AEZELIPZ



PM ANIS



UNIT PENDAFTARAN

KETUA UNIT


PM MUS

PM FIFI

PM ATIN

PM DIBO

PM JIE



UNIT SUKAN & REKREASI

KETUA UNIT



PM DEEV




PM WANIE



PM FURBY



PM IQBAL



UNIT SENI & KREATIF



KETUA UNIT

PM NANA

PM FIQA

PM EDDY

PM BAR



UNIT DISIPLIN & KEBAJIKAN

KETUA UNIT



PM AIDA



PM AMY





PM NIK



PM SYAI



PM QASEH



UNIT LOGISTIK

KETUA UNIT



PM AKMAL



PM PIJI



PM HAIKAL




PM AZ



PM KHIR



PM CHIA



UNIT MULTIMEDIA & TEKNIKAL

KETUA UNIT



PM I.K.



PM AMIR



PM SYAZ



PM AB



PM AMIN



PM YING



FASILITI

KOLEJ KEDIAMAN TUANKU KURSHIAH

TANJUNG



SURAU



FASILITI

KOLEJ KEDIAMAN TUANKU KURSHIAH

BILIK SIDANG



DEWAN GEMILANG KURSHIAH



FASILITI

KOLEJ KEDIAMAN TUANKU KURSHIAH



GELANGGANG TENIS



GELANGGANG SUKAN



FASILITI

KOLEJ KEDIAMAN TUANKU KURSHIAH



KAFE



CUBE



FASILITI

KOLEJ KEDIAMAN TUANKU KURSHIAH



PERKHIDMATAN FOTOKOPI



KOPERASI



PROJEK

Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah

SUKMUM



SUKMUM iaitu Sukan Mahasiswa Universiti Malaya adalah acara rasmi tahunan yang dianjurkan oleh Universiti Malaya untuk mencungkil potensi mahasiswa-mahasiswa dalam bidang sukan. Terdapat 47 acara yang dianjurkan seperti Badminton, Tarik Tali, Bola Tampar, Bola Sepak, Bola Jaring, Trek & Padang dan pelbagai acara lagi yang melibatkan kesemua kolej kediaman di Universiti Malaya.



ATHLETE
MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA

PROJEK

Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah



Karnival Teater UM atau KARVITER merupakan sebuah acara tahunan yang dianjurkan oleh Pusat Kebudayaan Universiti Malaya bagi memupuk semangat dan mencungkil bakat pelajar-pelajar UM dalam bidang teater mahupun lakonan. KARVITER merupakan pertandingan yang terbesar di Universiti Malaya dan dipertandingkan antara kolej kediaman. Bagi Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah, KARVITER UM akan diwakili oleh STAKASH PRODUCTION atau Kelab Seni Teater Kurshiah. Terdapat pelbagai unit yang ditawarkan di bawah kru produksi ini seperti Unit Multimedia dan Teknikal, Unit Busana dan Tatarias, Unit Set dan Prop serta Unit Pengurusan Pentas.



PROJEK

Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah



FESENI

Festival Seni Universiti Malaya atau lebih dikenali sebagai FESENI merupakan acara tahunan di Universiti Malaya dan dipertandingkan antara kolej kediaman. Penyertaan pelajar bersama FESENI dapat mendedahkan pelajar dengan seni-seni tradisi malah yang moden. Di samping itu, mahasiswa-mahasiswa juga dapat menambah pengalaman dalam membuat persembahan dan bertanding dengan persekitaran yang berdaya-saing dan diadili oleh para juri yang berpengalaman dalam bidang seni masing-masing. Antara acara yang dipertandingkan adalah Tarian Tradisional, Tarian Cina, Band dan Nyanyian Solo.



PROJEK

Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah



AKK pada asalnya dikenali sebagai Malam Anugerah Kurshiah (MAK) dan telah dijenamakan semula oleh pihak pengurusan kepada Anugerah Kecemerlangan Kurshiah mulai tahun 2016. Projek atau program ini bertujuan untuk memberi penganugerahan kepada para pelajar yang telah menunjukkan pencapaian dalam melaksanakan program dan aktiviti selain menghargai mereka yang telah banyak berbakti dan berjasa kepada Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah sepanjang sesuatu sesi pengajian. Antara objektif projek ini adalah untuk memupuk daya saing yang sihat dalam kalangan para pelajar untuk menjadi insan yang lebih kompetitif, proaktif serta holistik. Selain itu, AKK juga melatih para pelajar dari segi pengurusan acara atau majlis korporat yang mega secara terancang dan bersistematis.



KECEMERLANGAN KURSHIAH



PROJEK

Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah



Piala Pidato Tuanku Kurshiah (PPTK) merupakan satu projek ilmiah dibawah Jawatankuasa Kerja Perkembangan Akademik Dan Intelektual.

Projek ini menguruskan pertandingan pidato peringkat kebangsaan yang mendedahkan para ahli jawatankuasa projek serta peserta pertandingan tentang seni berpidato. Projek ini dijalankan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kelab Pidato Perdana yang turut mendapat sokongan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

PPTK dinaungi oleh Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong yang merupakan Pro Canselor Universiti Malaya dan telah dijalankan selama 5 tahun berturut-turut. Para peserta pertandingan ini terdiri daripada pelajar-pelajar berumur 15 hingga 17 tahun dari institusi pendidikan menengah di seluruh Malaysia. Projek ini memberi penekanan terhadap peserta bukan sahaja untuk menyertai pertandingan namun pada masa yang sama turut belajar seni berpidato.



PROJEK

Kolej Kediaman Juanku Kurshiah



REAL



Regain Experience Asli's Life ialah satu program kerohanian dan perpaduan di bawah Jawatankuasa Kerja Perkembangan Kerohanian dan Perpaduan di mana para mahasiswa dan mahasiswi dapat bersama-sama masyarakat Orang Asli dalam menyelami cara hidup dan budaya mereka . Projek ini merupakan satu-satunya projek kolej yang dilaksanakan di luar kolej kediaman. Terdapat banyak aktiviti menarik yang akan dilaksanakan untuk menjana pengetahuan, kesedaran, kefahaman serta minat para mahasiswa terhadap cara hidup Orang Asli sekaligus melahirkan mahasiswa yang prihatin terhadap isu-isu yang berlaku dalam masyarakat ini. Antara objektif yang diharapkan adalah untuk mendidik masyarakat Orang Asli tentang kepentingan keusahawanan dan kebolehpasaran produk hasil tangan kraf mereka serta mendedahkan kepada mereka mengenai budaya Islam.



PROJEK

Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah



UniThird atau Unity of Third ialah gabungan dua perkataan iaitu "Unity" yang membawa maksud perpaduan dan perkataan "Third" bersempena Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah. Projek ini merupakan gabungan daripada projek IFK (Integrality For Kurshiah) dan KAB (Kurshiah Across Border) serta dinaungi oleh Jawatankuasa Kerja Perkembangan Kebajikan dan Kemasyarakatan. Projek ini menggabungkan kedua-dua objektif projek tersebut dan disatukan menjadi projek yang baru. Antara objektif projek ini adalah untuk memupuk minat dalam diri mahasiswa dan mahasiswi untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawanan serta memupuk semangat kecintaan terhadap alam sekitar dalam kalangan warga kolej.



ONLINE TALK

DAY 2

23 MARCH 2022
8 PM - 11 PM

THANK YOU



PROJEK

Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah



FESTOPIA atau Festival of Utopia merupakan suatu projek gabungan di bawah kelolaan Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Rekreasi bersama-sama Jawatankuasa Kerja Perkembangan Kesenian dan Kreativiti yang melibatkan peserta di seluruh Universiti Malaya, W.P. Kuala Lumpur dan Selangor. Projek ini menguruskan pertandingan atau acara sukan dan seni seperti *virtual run*, *e-sports*, nyanyian, tarian moden dan pelbagai lagi dengan tawaran hadiah yang menarik dan lumayan.



KELAB

KOLEJ KEDIAMAN TUANKU KURSHIAH




ULTRAS KURSHIAH

Kelab Ultras merupakan tulang belakang dalam menyokong setiap projek di KK3. Ahli-ahli kelab ini berpeluang untuk bekerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dalam melakukan aktiviti kemasyarakatan. Kelab ini berobjektif untuk memupuk semangat perpaduan antara warga kolej serta membuka peluang kepada mereka untuk terlibat dalam kerja-kerja amal yang dianjurkan oleh NGO.



TRIAD STUDIO

Kelab Triad Studio merupakan sebuah kelab ilmiah dibawah kelolaan Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah dimana konsep kandungan video multimedia adalah berbentuk ilmiah dan akan dikongsikan melalui platform media sosial. Perkongsian ini bertujuan untuk menarik perhatian khalayak ramai tentang kandungan ilmiah yang akan dikongsikan.



KELAB

KOLEJ KEDIAMAN TUANKU KURSHIAH



STAKASH

Kelab Seni Teater Kurshiah (STAKASH) merupakan penggerak yang akan mewakili KK3 bagi pementasan teater yang bakal dipertandingkan di Karnival Teater Universiti Malaya (KARVITER) dan manifestasi puisi di Festival Seni Universiti Malaya serta mengadakan rumah hantu sebagai acara tahunan. Kelab ini bertujuan mencungkil bakat ahlinya yang akan menjadi ahli kru produksi pementasan teater bagi KARVITER dalam pelbagai bidang seperti Unit Busana dan Tatarias.



SOA

Kelab School of Arts (SOA) merupakan kelab kesenian yang ditubuhkan untuk mengumpulkan dan melatih bakat-bakat seni berdasarkan tarian (moden dan tradisional) dan kebudayaan di KK3. Kelab ini berobjektif untuk membolehkan ahli kelab mengasah bakat seni mereka dalam mempelajari seni fotografi dan lain-lain dengan aktiviti kelas tarian, kelas fotografi dan acara yang terpenting sekali adalah projek Talentum de Kurshiah yang dianjurkan setiap tahun oleh kelab SOA.



KELAB

KOLEJ KEDIAMAN TUANKU KURSHIAH



BIZTHIRD

Kelab Bizthird adalah kelab yang ditubuhkan untuk memberi peluang dan pengalaman tentang keusahawanan kepada warga KK3. Acara tahunan yang dijalankan di bawah kelab ini adalah 3rd Street iaitu suatu karnival keusahawanan serta kesenian dan kebudayaan yang menampilkan persembahan nyanyian dan tarian di samping pelaksanaan aktiviti jualan pelbagai barang secara serentak.



KEMARA

Kelab Madrasah 'Ar Rasyidin (KEMARA) adalah kelab surau di KK3 bertujuan untuk menjadikan surau sebagai pusat penyatuan umat Islam serta mendedahkan pengetahuan berkenaan kerohanian kepada warga kolej yang dapat membentuk nilai kepimpinan dalam diri mereka dalam mengendalikan sebarang program. Secara tidak langsung, para ahli kelab dapat mempelajari kemahiran nilai, sikap dan profesionalisme dalam sesbuah organisasi.



KELAB KOLEJ KEDIAMAN TUANKU KURSHIAH



KURSHIAH CARES

Kelab Kurshiah Cares (KKC) merupakan sebuah kelab yang bertumpu kepada penjagaan alam sekitar dan kebersihan kawasan kolej. Setiap tahun kelab ini akan mewakili KK3 dalam pertandingan UM Cares-Award dan UM Cares-Community Award. Antara aktiviti atau program yang dijalankan oleh KKC adalah ceramah berkenaan pengurusan sisa dan air dan Program Triad Jom Tapau iaitu sebagai usaha untuk mengurangkan penggunaan plastik.



TRAIDEN

Kelab TRAIDEN atau TRAIDEN Sports Club merupakan kelab sukan KK3 yang dijalankan untuk menggalakkan pelajar menjadi lebih proaktif dalam mengekalkan gaya hidup yang sihat iaitu badan yang sihat dan minda yang cergas sekaligus dapat menangani stres dalam pelajaran dan berorganisasi. Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan oleh kelab ini seperti aktiviti hiking, zumba, sukaneka, serta bengkel Sports Massage yang dapat mengekalkan tahap kesihatan warga kolej.



KELAB

KOLEJ KEDIAMAN TUANKU KURSHIAH



KELAB MULTIMEDIA & TEKNIKAL

Kelab Multimedia dan Teknikal ditubuhkan untuk memberi peluang dan pengalaman kepada pelajar Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah untuk menimba ilmu berkaitan multimedia dan teknikal dengan lebih mendalam lagi. Aktiviti yang dijalankan oleh kelab ini adalah bengkel penggunaan produk *Adobe* seperti *Adobe Photoshop* dan *Adobe Illustrator* untuk kegunaan bukan sahaja dalam projek malah dalam tugas kursus.

LINK PAUTAN VIDEO PROJEK KOLEJ

https://drive.google.com/file/d/1hJmqTXA-fYLp3iJ_oCF6gh2ixje_Qvo/view?usp=drivesdk